



MANUAL PENGGUNA PORTAL eHASIL (PENDAFTARAN AKAUN)

INAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Edisi ini terpakai pada Portal eHasil versi 1.0 dan sah sehingga ianya digantikan dengan edisi terbaru.

KANDUNGAN

1.0	MENGENAI SISTEM	1
1.1	Mengakses Sistem	1
1.2	Pendaftaran Akaun.....	2
1.3	Log Masuk Kali Pertama dan Verifikasi Akaun	4

1.0 MENGENAI SISTEM

1.1 MENGAKSES SISTEM

1. Akses sistem dengan memasukkan URL berikut kedalam pelayar web (Google Chrome, Mozilla Firefox, Microsoft Edge, dsb.).


<https://ehasil.selangor.gov.my/>



Rajah 1.1.1 Halaman Utama Portal eHasil


1.2 PENDAFTARAN AKAUN

1. Pendaftaran akaun adalah tidak diwajibkan untuk membuat pembayaran cukai. Namun, dengan membuat pendaftaran akaun, pengguna akan mempunyai lebih banyak kelebihan dalam mengurus cukai tanah atau cukai petak mereka. Dengan adanya akaun berdaftar, pengguna boleh menyemak kembali sejarah dan rekod transaksi pembayaran mereka serta memuat turun semula bil-bil dan resit bayaran mereka yang terdahulu.
2. Untuk mendaftar, klik pada butang **Log Masuk** atau **Daftar Sekarang** pada halaman utama portal eHasil.




Rajah 1.2.1 Halaman Utama Portal eHasil

3. Jika butang **Log Masuk** ditekan, halaman log masuk sistem eHasil akan dipaparkan. Klik pada butang **Daftar Akaun** untuk mendaftar. Manakala jika butang **Daftar Sekarang** ditekan pada halaman utama, pengguna akan terus dibawa ke halaman daftar akaun eHasil.



Rajah 1.2.2 Daftar Akaun


- Masukkan maklumat yang diperlukan pada setiap medan yang dipaparkan. Setelah selesai, klik pada butang **Daftar**.



The screenshot shows the registration page for eHasil Selangor. At the top, the logo 'eHasil Selangor' is displayed. Below it, the text reads 'Daftar akaun eHasil Selangor' and 'Sila masukkan maklumat dibawah.' The form is divided into sections: 'Maklumat Peribadi' with fields for NAMA, Emel, No Telefon (cth: 0123456789), Kad Pengenalan (cth: 931007080001), and Jenis Akaun; 'Alamat Surat Menyurat' with fields for ALAMAT 1, ALAMAT 2, ALAMAT 3, ALAMAT 4, Poskod, BANDAR, and Negeri; and 'Katalaluan' with fields for Katalaluan and Sahkan Katalaluan. There is a checkbox for 'Saya bersetuju dengan syarat dan terma' and a yellow key icon. At the bottom, there are buttons for 'Daftar', 'Log Masuk', and 'Kembali ke Laman Utama'. The footer text is 'Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor © 2022'.

Rajah 1.2.3 Pendaftaran Maklumat Akaun


- Notifikasi pendaftaran akaun berjaya akan dipaparkan. Klik pada butang **Kembali ke Laman Utama**.



Rajah 1.2.4 Pendaftaran Akaun Berjaya


1.3 LOG MASUK KALI PERTAMA DAN VERIFIKASI AKAUN

1. Pada laman utama, klik pada butang **Log Masuk**. Sistem akan memaparkan halaman log masuk. Masukkan maklumat emel dan kata laluan pada medan yang dipaparkan dengan menggunakan maklumat ID yang telah didaftarkan dan kemudian klik pada butang **Log Masuk**.



Rajah 1.3.1 Log Masuk Sistem eHasil

2. Halaman **Dashboard** akan dipaparkan. Jika pengguna log masuk buat kali pertama selepas pendaftaran, notifikasi pemberitahuan untuk menyemak emel bagi tujuan verifikasi akaun ataupun pengesahan akan dipaparkan.




Rajah 1.3.2 Notifikasi Semakan Emel Untuk Verifikasi

Nota:

Menu-menu pengguna sistem yang berdaftar tidak akan dipaparkan sehinggalah pengguna telah mengesahkan pendaftaran akaun mereka.

3. Buka emel pengguna dan semak emel yang diterima dari **eHasil**. Kemudian klik pada pautan yang disertakan untuk mengesahkan pendaftaran akaun pengguna.




Rajah 1.3.3 Emel Verifikasi Akaun eHasil

Nota:

Jika pengguna tidak menerima emel verifikasi ini selepas pendaftaran buat kali pertama, kembali pada halaman **Dashboard eHasil** dan klik pada pautan **Hantar emel verifikasi baru?** untuk menerima semula emel verifikasi yang terbaru.

4. Notifikasi verifikasi dan pengaktifan akaun berjaya akan dipaparkan. Klik pada butang **Kembali ke Laman Utama** dan log masuk semula untuk membuat urusan carian persendirian.



Rajah 1.3.4 Verifikasi Akaun Berjaya

-- MANUAL TAMAT --